# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## AHAD 2 OKTOBER 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | PJMKM LANGKAH TERBAIK KERAJAAN BANTU RAKYAT YANG TERBEBAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



02 OCT, 2022

# PJMKM langkah terbaik kerajaan bantu rakyat yang terbeban

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



# PJMKM langkah terbaik kerajaan bantu rakyat yang terbeban



LAWAT: Abidin (tiga kiri) menunjukkan barangan yang dijual dalam program tersebut.

Oleh Hamzah Sanudin

RANAU: Kenaikan harga barang secara global antara kebimbangan semua pihak dan kerajaan terus mengambil langkah bagi membantu rakyat yang terbeban dengan perkara itu.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Abidin Madingkir berkata, Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) adalah langkah yang diambil kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

"Melalui program itu, harga barangan keperluan akan diturunkan sehingga 20 peratus dan ia disasarkan kepada kategori B40 dan berpendapatan rendah.

"Kita berharap melalui PJMKM yang diadakan di seluruh negara dapat membantu mengurangkan kos perbelanjaan golongan sasar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan PJMKM Dewan Undangan Negeri (DUN) Paginatan yang diadakan di daerah ini, pada Sabtu.

Menurutnya, sebanyak lapan jenis bahan makanan asas tersenarai termasuklah beras, gula, minyak masak, tepung, telur, ayam, ikan dan buah-buahan.

"Selain itu, terdapat juga peniaga menjual sayur-sayuran segar serta produk perusahaan kecil dan sederhana (SME) tempatan dalam program tersebut," katanya.

Beliau berkata, pihaknya percaya program ini akan dilanjutkan pada tahun hadapan demi kebaikan semua rakyat.

"Inisiatif ini sangat penting bagi membuktikan kerajaan prihatin nasib rakyat yang terbeban dengan kenaikan global kos sara hidup.

"Saya berharap semua peniaga dapat menjual barangan mereka pada harga yang berpatutan dan tidak mengambil kesempatan terutamanya barang terhad seperti telur, ayam, daging dan minyak masak," katanya.

Abidin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Pengurus Besar Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Kinabalu, Muhammad Irwan Maruji, kerana menyahut seruan kerajaan menjayakan program ini.

Sementara itu, Irwan berkata, PJMKM di DUN Paginatan mendapat sambutan yang agak menggalakkan dan dapat dilihat orang ramai beratur seawal jam 6 pagi untuk membeli produk mereka.

Di Sabah, program itu dilaksanakan di 73 DUN yang dilaksanakan serentak mengikut daerah, manakala bagi Ranau ketiga-tiga DUN iaitu Karanaan, Kundasang dan Paginatan telah mengadakan program itu.

Turut hadir, Ketua Daerah, Mubasip Ruman; Pegawai FAMA Ranau, Sahirin Bin Omar; Pegawai Kemajuan Masyarakat (CDO), Japuli Sigal; Penaju Mukim dan pemimpin tempatan yang lain.

isentia

AUTHOR: HAMZAH SANUDIN SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 8 PRINTED SIZE: 223.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 906.00 ITEM ID: MY0049797722



02 OCT, 2022

# PJMKM langkah terbaik kerajaan bantu rakyat yang terbeban

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



## SUMMARIES

RANAU: Kenaikan harga barang secara global antara kebimbangan semua pihak dan kerajaan terus mengambil langkah bagi membantu rakyat yang terbeban dengan perkara itu. Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Abidin Madingkir berkata, Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) adalah langkah yang diambil kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut."Melalui program itu, harga barangan keperluan akan diturunkan sehingga 20 peratus dan ia disasarkan kepada kategori B40 dan berpendapatan rendah.